

D.R. 26/2014

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2014.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2A

2. Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [*Akta 177*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam perenggan 2A(2)(b) dengan menggantikan perkataan “Principal Assistant Directors of Industrial Relations,” dengan perkataan “Deputy Directors of Industrial Relations, Principal Assistant Directors of Industrial Relations, Senior Assistant Directors of Industrial Relations,”.

Penggantian seksyen 23A

3. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 23A dengan seksyen yang berikut:

“Qualification of President and Chairman of Industrial Court

23A. A person is qualified for appointment as President under paragraph 21(1)(a) and as Chairman under subsection 23(2) if, for the seven years preceding his appointment, he has been—

- (a) an advocate and solicitor within the meaning of the Legal Profession Act 1976 [*Act 166*];
- (b) an advocate within the meaning of the Advocates Ordinance of Sabah [*Sabah Cap. 2*];
- (c) an advocate within the meaning of the Advocates Ordinance of Sarawak [*Sarawak Cap. 110*]; or
- (d) a member of the judicial and legal service of the Federation or of the legal service of a State,

or sometimes one and sometimes another.”.

Pindaan seksyen 56

4. Subseksyen 56(4) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “may, at the request of either party, send a certified copy thereof” dengan perkataan “shall, at the request of either party, send a certified copy of the order expeditiously and where practicable within seven days from the date of request”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (“Akta 177”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda perenggan 2A(2)(b) Akta 177 untuk mengadakan jawatan baru Timbalan Pengarah Perhubungan Perusahaan dan Penolong Pengarah Kanan Perhubungan Perusahaan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 23A Akta 177 bagi membolehkan peguam bela mengikut pengertian Ordinan Peguam Bela Sabah [*Sabah Cap. 2*] atau Ordinan Peguam Bela Sarawak [*Sarawak Cap. 110*] layak bagi pelantikan sebagai Presiden di bawah perenggan 21(1)(a) Akta 177 dan sebagai Pengerusi di bawah subseksyen 23(2) Akta 177 jika kehendak tertentu dipenuhi. Pada masa ini, hanya peguam bela dan peguam cara mengikut pengertian Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*] dan anggota perkhidmatan kehakiman dan perundangan Persekutuan atau perkhidmatan perundangan Negeri layak dilantik sebagai Presiden atau Pengerusi.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 56(4) Akta 177 bagi menghendaki Pendaftar Mahkamah, atas permintaan salah satu pihak, menghantar salinan terperaku perintah yang dibuat di bawah subseksyen 56(2) Akta 177 kepada Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi atau Pendaftar Mahkamah Sesyen dengan cepat dan jika boleh dilaksanakan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh permintaan itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)2914]